

## Remaja rogol gadis berusia 13 tahun dihantar ke Sekolah Henry Gurney

**KUCHING:** Seorang remaja lelaki berusia 17 tahun diperintahkan dihantar ke Sekolah Henry Gurney, Puncak Borneo selama tiga tahun oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan merogol seorang gadis berusia 13 tahun.

Semalam merupakan sebutan semula kes untuk mendengar laporan akhlak tertuduh.

Tertuduh terdahulunya mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan, jika

sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, remaja terbabit didakwa merogol mangsa di sebuah rumah di Jalan Bako di sini pada 29 April 2026 sekitar jam 3.48 petang.

Berdasarkan fakta kes, pengadu iaitu ibu mangsa, 34, mendapati tertuduh berada di dalam bilik tidur anaknya pada petang kejadian.

Difahamkan, pengadu yang mengesyaki berlaku sesuatu antara mereka seterusnya bertindak membuat laporan polis dan ini kemudiannya membawa kepada penangkapan tertuduh.

Susulan itu, hasil siasatan

polis mendapati laporan perubatan dari Hospital Umum Sarawak (HUS) mengesahkan terdapat kesan koyakan penuh/separa baharu di hymen mangsa.

Malah, siasatan lanjut mendapati tertuduh mengaku telah melakukan kesalahan itu terhadap mangsa yang berumur 13 tahun waktu kejadian.

Dalam pada itu, Majistret Ling Hui Chuan ketika menjatuhkan hukuman memerintahkan supaya tertuduh dihantar ke Sekolah Henry Gurney, Puncak Borneo selama tempoh tiga tahun berkuat kuasa semalam, selari dengan Seksyen 91(1)(f) Akta

Kanak-Kanak 2001.

Ling juga mengarahkan ibu tertuduh untuk melawat pesalah muda itu dua bulan sekali, selaras dengan Seksyen 93(1)(d) Akta Kanak-Kanak 2001.

Sementara itu, selaras dengan Seksyen 93(1)(e) Akta Kanak-Kanak 2001, Ling memerintahkan agar tertuduh diletakkan di bawah pengawasan seorang Pegawai Akhlak selama setahun selepas tamat menjalani tempoh tahanannya.

Tertuduh tidak diwakili peguam. Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Afiq Safly Nor Kazly.